

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah yang tiada hentinya menganugerahkan berbagai kenikmatan pada hamba-hambaNya. Salam serta selawat kepada junjungan mulia Muhammad S.A.W kekasih Allah yang mulia.

Penulis bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan ‘*inayah*’ dan izinNya dapat melunaskan tulisan yang bertajuk “Sumbangan Abdul Rahman Ya’kub Dalam Dakwah Di Sarawak”. Jauh sebelum ini, penulis pernah berkeinginan untuk menulis tentang Tun Abdul Rahman Ya’kub ini, yang penulis anggap sebagai tokoh dakwah sepanjang hayat. Beliau juga pernah membantu penulis dalam studi ketika di Pakistan dan Indonesia dan beliau amat dermawan dan berjiwa besar. Oleh itu penghargaan pertama penulis adalah untuk beliau yang telah sudi menerima penulis menemubual beliau di Sri Bahagia, semoga beliau diberkati Allah S.W.T.

Seterusnya penulis merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Dr. Fakhru Adabi Abdul Kadir, penyelia yang budiman yang sentiasa memberi motovasi kepada penulis untuk menyiapkan tulisan ini. Kepada guru penulis, Al-Fadhil Ustaz Ali Fathullah Harun diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana menjadi pencetus kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat ini dan membantu dari segi moral dan material.

Penghargaan ini juga penulis abadikan buat ayahnda, (*al-marḥūm*) Haji Sebli Bin Usop dan ibunda (*al-marḥūmah*) Hajah Hairani Binti Haji Busri. Walaupun mereka berdua tidak sempat menyaksikan kejayaan penulis ini, namun kasih sayang serta doa mereka sentiasa penulis ingat sebagai insan-insan istimewa yang tiada gantinya.

Seterusnya penulis alamatkan penghargaan ini buat insan istimewa isteri-isteri, Amidah Binti Brahim dan Zabariah Binti Haji Matali. Buat anak-anak kesayangan Ahmad Wafiq Zuhair, Nazihah Basyirah, Faqihah Umairah, Fariyah Syakirah dan Fashihah Zakirah di atas kesabaran dan memahami kesibukan penulis dalam menyiapkan tulisan ini.

Kepada saudara-saudara penulis Zayadi, Mu_as, Norlida, Annie, Betty, Siti Handayani dan Khairunnisa, penulis rakamkan penghargaan di atas doa dan sokongan kalian.

Penghargaan ini juga untuk Ustaz Bahruddin Mansur yang tidak pernah jemu menjawap soalan-soalan penulis mengenai kajian ini. Cik Zabariah Haji Matali @ *Lai* yang sudi menyemak, mengkritik dan memberi idea kepada penulis, Dr. Hadenan Towpek yang menjadi teman diskusi dan dialog sepanjang tulisan ini. Dr. Abdul Razak Abdul Kadir yang memberi masukan berguna kepada penulis ketika memilih tajuk kajian. Saudara Sophian Ramli, Jamit Jamadil, Saimon Kila, Aji, Haji Jaafar dan lain-lain rakan serta sahabat yang membantu penulis secara langsung mahu pun tidak langsung.

Terima kasih juga penulis rakamkan khusus kepada pimpinan HIKMAH yang diketuai oleh Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz Bin Haji Hussein yang memberi pelepasan kepada penulis menyambung pelajaran, kakitangan Ibu Pejabat HIKMAH yang sentiasa memberi galakan kepada penulis untuk belajar dan rakan sepejabat di Pusat Latihan Dakwah HIKMAH Batu 24 Kuching.

Semoga sumbangan dan bantuan kalian mendapat ganjaran yang setimpal dan lebih baik dari Allah S.W.T.

Akhir sekali penulis berharap dengan kelulusan ini akan lebih mendekatkan diri kepada Allah Rabbul Jalil.